

BAB DUA

KEDATANGAN KAUM INDIA KE MALAYSIA

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan mengkaji tujuan kedatangan kaum India ke Malaysia mulai era pra moden sehingga abad ke-20. Ini adalah kerana tujuan kedatangan kaum India pada kedua-dua zaman ini adalah berbeza. Walaupun pada zaman pra moden kaum India datang ke Malaysia sebagai pedagang, pengembang agama dan budaya tetapi kedatangan mereka menjelang abad ke-19 adalah sebagai kaum buruh. Perbezaan kemasukan kaum India ini adalah disebabkan oleh penjajah British. Penjajahan Benua Kecil India oleh pihak British sekaligus telah menjadi era perbezaan tujuan kemasukan kaum India ke Malaysia.

Dalam bab ini aspek-aspek berikut akan dikaji

- (i) Era pra moden (sebelum abad ke-19)
- (ii) Migrasi moden (selepas abad ke-19)
- (iii) Kategori migrasi
- (iv) Kesimpulan

2.1 Era Pra Moden

Sejarah awal kedatangan orang-orang India ke negara ini tidak begitu jelas. Namun demikian, menurut data-data yang diperoleh, orang-orang India telah pun mula bertapak di Malaysia sejak abad pertama lagi. Pada abad pertama, peniaga-peniaga India ke Malaya dengan tujuan perdagangan. Pada ketika ini, orang-orang India telah mula keluar dari negara India untuk mencari kekayaan. Tumpuan utama ialah Kepulauan Melayu khasnya Malaysia yang pada ketika itu kaya dengan barang rempah ratus. Di peringkat awal ini, pedagang-pedagang India telah berjaya mengaut keuntungan maksima. Ini adalah kerana Malaysia pada masa itu menjadi pengumpul dan pengedar barang rempah ratus, emas, bijih serta pelbagai barang tempatan. Jadi, wujud hubungan erat di antara kedua-dua negara ini.

Namun demikian, orang-orang India tidak mempunyai niat untuk terus menetap di negara ini. Oleh yang demikian, kesan peninggalan orang-orang India pada ketika ini amatlah sedikit sekali. Kedudukan Malaysia dari segi geografi amat strategik sekali bagi pedagang-pedagang India untuk singgah sebelum ke negara China. Oleh itu, pelabuhan-pelabuhan entreport di Malaysia menjadi tumpuan utama. Kebanyakan pedagang India telahpun sampai ke negeri Kedah Tua (yang dahulunya di kenali sebagai Kadaram di kalangan orang-orang India). Kegiatan perdagangan ini wujud sementara menunggu pertukaran angin monsun. Menurut Arasaratnam, *Tanda*

pertama penempatan orang-orang India di sini dapat dilihat pada tempat-tempat yang menjadi entreport perdagangan.¹

Pendapat di atas dapat diperkuuhkan dengan artifek-artifek tinggalan orang-orang India di Lembah Bujang, negeri Kedah. Pada masa itu, Lembah Bujang menjadi pelabuhan entreport yang utama. Kedatangan Raja-raja Chola dan penguasaan Lembah Bujang telah menghapuskan aktiviti lanun yang menjadi penghalang perdagangan orang-orang India.

Kedatangan orang-orang India ke negeri Kedah Tua semasa pemerintahan Raja-raja Chola merupakan zaman keemasan orang-orang India. Kuasa politik orang-orang India tidak tersebar luas kerana mereka tidak mempunyai niat untuk memperluas kawasan kolonial di Kepulauan Melayu. Malah, masyarakat India pada ketika itu berorientasikan ekonomi di samping pengasimilasian nilai-nilai budaya India ke dalam sistem politik tempatan. Selepas itu, tiada rekod mengenai kedatangan orang-orang India sehingga abad ke-15. Ini adalah kerana kebangkitan Islam di India. Ini sekaligus melenyapkan pedagang-pedagang India yang beragama Hindu. Selepas itu, lahir pula pedagang-pedagang Islam yang menjalankan aktiviti perdagangan dengan Malaysia.

¹ Arasaratnam, S., *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1979, hlm 3.

2.2 Era Moden

Dalam era ini, orang-orang India datang ke Malaysia bukan sebagai pengembang budaya India, peniaga ataupun untuk tujuan perniagaan. Tetapi, kebanyakannya mereka datang ke Malaysia secara sistematis sebagai kaum buruh. Ini disebabkan oleh pihak ke-3 iaitu pihak British.

Perkembangan perindustrian pada abad ke-18 dan ke-19 di Eropah menyebabkan bahan-bahan mentah menjadi semakin penting. Maka, wujud persaingan di antara negara-negara Eropah dalam usaha memperluaskan tanah jajahan dan mengeksplorasi bahan mentah yang terdapat di tanah-tanah jajahan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat di Eropah.

England merupakan salah sebuah negara yang mempunyai banyak tanah jajahan. Contohnya, Burma, India, negara-negara di Afrika, Malaysia dan sebagainya. England juga mempunyai banyak modal dan pengusaha-pengusaha tetapi tidak ada tenaga buruh yang murah untuk mengeksplorasi bahan-bahan mentah yang terdapat di tanah-tanah jajahan mereka terutamanya di Malaysia (Tanah Melayu).

Pihak British memerlukan tenaga buruh bagi memenuhi permintaan terhadap bahan mentah akibat perkembangan perindustrian di Eropah. Selain itu, orang-orang India juga diimport dari India bagi mengimbangi pertambahan penduduk

dan kuasa orang-orang Cina di Malaysia. Oleh sebab itu, Kerajaan British mencari pekerja-pekerja dari beberapa buah negara. Contohnya, buruh dari negara Afrika, Eropah, Korea, Jepun, China, Java dan orang-orang Melayu di Tanah Melayu sendiri. Kesemua usaha ini menghadapi jalan buntu. Mengikut Sandhu, pihak British tidak berjaya pada peringkat awal dalam usaha mendapatkan tenaga buruh kerana:-

- (i) Orang-orang Melayu tidak mahu bekerja untuk masa yang ditetapkan semasa waktu kerja/selepas waktu kerja.
- (ii) Hamba abdi dari Afrika tidak dibawa masuk walaupun terdapat tanah jajahan kerana peraturan hamba abdi telah dibubarkan pada 1 Ogos 1838.
- (iii) Buruh-buruh Eropah bukan sahaja mahukan gaji yang tinggi tetapi sukar memaksa mereka bekerja di kawasan tropika yang digelar "kubur orang putih" (white man grave). Lagipun mereka ini mahukan keperluan asas, kesatuan buruh dll.
- (iv) Orang-orang Korea pula tidak dibawa masuk kerana bantahan daripada pihak pembangkang kerajaan Korea.

- (v) Orang-orang Jepun tidak dibawa masuk kerana kerajaan Jepun sentiasa memastikan buruh-buruh Jepun di luar negara Jepun tidak dianaya.
- (vi) Buruh-buruh Cina telahpun berada di Malaysia (negeri-negeri selat). Mereka juga gagal kerana suka menimbulkan masalah dengan pihak berkuasa dan tidak mudah diurus. Manakala, buruh-buruh Cina lebih suka berkhidmat di bawah majikan Cina.
- (vii) Orang-orang Jawa tidak dibawa masuk kerana bantahan daripada kerajaan Belanda.

Akhir sekali negara India telah menjadi alternatif yang amat baik sekali bagi pihak British. Pihak British mengimport buruh-buruh India dari India Selatan (Madras) terutama golongan dari kasta rendah.

Ini adalah kerana:-

- (i) Mereka bekerja keras tanpa menimbulkan banyak masalah - mudah diurus.
- (ii) Mereka tidak bercita-cita tinggi.
- (iii) Mereka sanggup bekerja untuk gaji yang rendah dan mempunyai pengalaman kehidupan estate.

- (iv) Mereka tidak mempunyai masalah menyeberangi lautan dari segi pegangan agama.
- (v) Cuaca di Malaya tidak jauh beza dengan suhu di India.
- (vi) Mereka sudahpun mempunyai pengalaman hidup dalam kehidupan yang serba kekurangan, akur dengan undang-undang British dan berkelakuan baik.

Akhirnya, pada zaman penjajahan British, pedagang-pedagang India telah kehilangan kawalan ke atas perdagangan rempah ratus dan tekstil. Orang-orang India dibawa keluar sebagai buruh dari benua kecil India ke Ceylon, Singapura, Jawa, Indonesia, Kenya, Ghana, Nigeria, Senegal, Jamaika dan Bahamas. “*Pekerja-pekerja India adalah pembentuk Malaya ... kekayaan getah dikatakan 'Nyawa Bagi Koloni'*”²

Ini adalah kerana kebanyakan kaum India yang datang pada ketika ini adalah sebagai buruh bagi berkhidmat untuk majikan British dan kemudiannya majikan Cina di ladang-ladang getah. Kedatangan orang-orang India mulai pertengahan abad ke-18 dan seterusnya adalah agak berbeza dengan tujuan yang

² Krishnan, L., “*MIC Di Bawah Pimpinan Tan Sri Manika Vasagam : Satu Analisa Mengenai Dasar Dan Pencapaian*”, B.A. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981, hlm 21.

berlainan. *Orang-orang India yang keluar dari benua kecil India kebanyakannya adalah sebagai buruh paksa.*³ Kedatangan buruh-buruh India ini menghayati hati.

Penguasaan Pulau Pinang oleh British pada tahun 1786 menjadi *satu "resurgence" bagi kaum keturunan India untuk hijrah ke Malaysia.*⁴ Kedatangan kaum India ke Malaysia pada masa ini merupakan langkah pertama untuk memenuhi kehendak pihak British.

Menurut Nair,

*Pihak British sedar bahawa ekonomi Malaysia tidak dapat bergerak tanpa tenaga buruh India. Jadi, mereka menggunakan segala alasan menentang imigresen yang menghalang kemasukan buruh-buruh India dengan menggunakan motif politik.*⁵

Jadi, buruh-buruh India yang datang pada abad ke-18 dan 19, rata-rata adalah buruh paksa. Pada awalnya, orang-orang India secara umum menganggap Malaysia adalah tempat melabur tenaga yang dapat membawa kehidupan yang selesa dengan bekerja di ladang-ladang. Tetapi, keadaan sebaliknya yang berlaku. Orang-orang India dibawa masuk ke Malaysia untuk membersihkan hutan bagi tujuan penanaman tebu, kopi dan kemudian getah dan kelapa sawit. Menurut Raja Krishnan,

³ Sandhu, K.S., *Indians in Malaya: Some aspects of the immigration and settlement (1786-1957)*. Cambridge University Press, London, 1969, hlm 56.

⁴ Daniel, J.R., "A Socio-Economic study of the Indians in the Rubber and Oil Palm Estates in the States of Perak and Selangor", Thesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm 5.

⁵ Nair, M.N., *Indians In Malaya*, The Koduvayur Printing Works, Madras, 1937, hlm 48.

Untuk bekerja di ladang-ladang ini, sejumlah besar buruh diperlukan. Oleh itu, majikan ladang British telah mula mengimport tenaga buruh dari India Selatan. Tenaga buruh juga diperlukan dalam pembinaan keperluan orang-orang awam terutamanya dalam pembinaan jalan raya dan jalan keretapi.⁶

Pada ketika ini, orang-orang India hijrah beramai-ramai ke Malaysia. Lebih daripada 95% imigran di Malaysia yang masuk sejak 2000 tahun dahulu kini datang antara tahun 1786-1957. Penghijrahan ini tidak teratur dan ada yang dilakukan secara haram. Penghijrahan secara haram ini dikatakan sebagai 'Penculikan yang dirancang' oleh Geoghegan dalam nota On Emigration From India.⁷ Dengan kata lain, orang-orang India yang datang pada ketika ini 95 peratus adalah dari India Selatan. Mereka terdiri daripada golongan buruh dan yang miskin. Manakala, tenaga kerja siswazah pula tidak diperlukan. (Lihat jadual 1). Menjelang akhir kurun ke 19, terdapat lebih daripada 1000 kuli ataupun buruh India di Pulau Pinang. *Mereka merupakan golongan yang mudah diurus dan setia kepada tuannya. Mereka tidak pernah tawar-menawar terhadap apa yang diberikan.*⁸ Tiada buruh India yang menganggap Malaysia sebagai tanah air mereka. Maka, buruh-buruh India ini tidak berusaha untuk mengumpul sebarang harta. Ada di antara mereka terpaksa melarikan diri ke Malaysia untuk mengelakkan tekanan kemiskinan. Mereka percaya suatu hari nanti mereka dapat pulang ke India. Inilah hasrat yang tertanam di setiap jiwa orang-

⁶ Raja Krishnan, R., *Indians In Peninsular Malaysia: A Study and Bibliography*. University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1984, hlm 2.

⁷ Kondapi, C., *Indian Overseas, 1838-1949*, Indian Council of World Affairs, New Delhi, 1951, hlm 41. Dipetik daripada nota Geoghegan, "On Emigration From India".

⁸ Sandhu, K.S., *op. cit.*, hlm. 56.

orang India. Ini dapat dilihat pada tahun 1898-1899, seramai 84 peratus dari buruh India dari wilayah Madras pulang semula ke India.

JADUAL 2.1

JUMLAH PENGHIJRAHAN BURUH-BURUH INDIA KE MALAYA 1844-1941

SOKONGAN					
BURUH PERJANJIAN	KANGANI	SUKARELA	Dan Lain-lain	Jumlah	HIJRAH SECARA BEBAS
2,725,917	9.1	43.7	10.7	6.6	70.1
					29.9

JUMLAH YANG TIBA

2,725,917	9.1	43.7	10.7	6.6	70.1	29.9
-----------	-----	------	------	-----	------	------

Sumber: Sandhu, K.S., Indians In Malaya, hlm. 97.

Pada ketika ini, ekonomi negara India menghadapi saingan hebat daripada industri tekstil Eropah. Ini memberi tamparan hebat kepada ekonomi India. Paksaan untuk migrasi dalam aspek ekonomi selalunya memberi laluan kepada penghijrahan. Ini mengakibatkan banyak penduduk India mula hijrah keluar dari negara mereka untuk mencari kehidupan baru. Pada zaman moden ini, penghijrahan orang-orang India adalah untuk bekerja bagi golongan ketiga yang disebabkan oleh faktor-faktor luaran dan dalaman.

Kedatangan buruh-buruh India ke Malaysia melalui pelbagai cara yang sistematik. Antaranya melalui dua sistem utama.

- (i) Sistem yang mendapat pertolongan.
- (ii) Sistem yang tidak mendapat pertolongan.

Sistem yang mendapat pertolongan dibahagikan kepada tiga subsistem:

- (i) Sistem terikat/perjanjian
- (ii) Sistem Kangani
- (iii) Sistem secara sukarela.

Sistem terikat akan dibincang di bawah nanti.

2.3 Kategori Kedatangan/Migrasi

2.3.1 Buruh Terikat/Perjanjian

Tenaga buruh India mula diperlukan di Malaysia mulai tahun 1833. Buruh-buruh India ini dibawa masuk untuk bekerja di ladang-ladang tebu dan kopi. Apabila diusahakan secara besar-besaran, buruh-buruh ini dibawa masuk melalui satu sistem teratur yang dikenali sebagai sistem terikat.

Sistem ini merupakan cara pertama pihak British mengumpul tenaga buruh yang diperlukan dalam masa yang singkat. Sistem perjanjian ini bertahan

selama lebih kurang seratus tahun. Terdapat beberapa syarat yang terkandung dalam sistem terikat ini. Mengikut Kondapi,⁹ syarat-syarat tersebut adalah:-

- (i) Buruh mesti berkhidmat sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun.
- (ii) Buruh tidak dibenarkan menukar pekerjaan ataupun majikan.
- (iii) Hanya buruh-buruh perseorangan sahaja yang dibawa masuk dan bukannya keluarga mereka.
- (iv) Bayaran untuk buruh-buruh untuk berhijrah dibayar oleh buruh itu sendiri. Buruh tidak boleh membuat tuntutan gaji yang lebih tinggi walaupun harga barang dan keuntungan majikan meningkat.
- (v) Buruh-buruh dibayar gaji tetap, tempat tinggal yang percuma, perubatan dan lain-lain kemudahan yang ditetapkan seperti yang telah dijanjikan. (Legal obligation)

Berdasarkan syarat-syarat tersebut, maka pihak British mula mengimport tenaga buruh India dari benua kecil India. Madras dan Nagapattnam telah menjadi pusat pembekal tenaga buruh India untuk sistem terikat ini.

Pada peringkat pertama, buruh-buruh ini dikumpulkan dalam sebuah depot pelabuhan Nagapattnam sehingga cukup jumlahnya. Kemudian mereka dilayarkan ke Malaysia. Perjalanan mereka dengan kapal dalam keadaan tidak

⁹ Kondapi, C., *op.cit.*, hlm 8.

berperikemanusiaan menyebabkan kematian yang tinggi, dijangkiti penyakit dan sebagainya. Berita-berita situasi ini diketahui melalui cerita yang disampaikan oleh buruh-buruh yang berjaya tiba ke pelabuhan di Pulau Pinang. Sesampai sahaja di pelabuhan, buruh-buruh ini dijual pula kepada majikan-majikan ladang tebu, kopi dan kemudiannya majikan ladang getah. Setiap buruh yang dibeli dipastikan sihat kerana mereka ini adalah aset yang dapat mempertingkatkan sumber pendapatan majikan. Jadi, perjanjian antara buruh dengan si pembawa berakhir di pelabuhan. Kini, wujud pula satu era baru antara buruh dengan majikan mereka. Sistem terikat ini sebenarnya mengikat buruh-buruh India ini daripada menukar pekerjaan ataupun majikan. Ini seolah-olah buruh-buruh ini telah menjadi hamba kepada ladang tersebut. Sistem perjanjian ini hampir sama dengan sistem hamba abdi. Manakala, *Mahatma Gandhi pula berpendapat sistem ini adalah semi hamba abdi.*¹⁰ Buruh-buruh ini dipaksa bekerja lebih masa

Mereka dikehendaki bekerja sembilan hingga sepuluh jam sehari. Mereka terpaksa bekerja sebegini selama tiga hingga lima tahun. Kemudian mereka mungkin dikekalkan ataupun diantar pulang tanpa sebarang bayaran kerana gaji mereka dipotong bagi menjelaskan hutang pelayaran mereka. Pada kebiasaannya, buruh-buruh sihat sahaja dikekalkan untuk terus bekerja. Orang-orang India yang telah lama berkhidmat dan sudah tua dibuang kerja atau dibiarkan sahaja seperti kulit limau yang tidak diperlukan lagi.

¹⁰ _____, hlm 8.

Buruh-buruh yang dibawa melalui sistem ini tidak mendapat sebarang tentangan dari kerajaan British di Malaysia maupun di India. Pihak British menggunakan pelbagai alasan untuk memindah golongan miskin dari negara India bagi memenuhi keperluan tenaga buruh di Malaysia. Kemasukan orang-orang India ini adalah bagi memenuhi dasar ekonomi golongan British. (Lihat Jadual 2)

JADUAL 2.2

PENGHIJRAHAN BURUH-BURUH INDIA MELALUI SISTEM TERIKAT/PERJANJIAN, 1880 – 1910

Tahun	Sistem Terikat	% Penghijrahan Melalui Sistem Terikat
1885	1,691	7.9
1886	2,992	14.7
1887	5,046	29.3
1888	5,001	24.0
1889	2,921	16.0
1890	3,132	17.0
1891	3,736	12.4
1892	2,051	11.1
1893	2,343	12.9
1894	1,801	12.0
1895	1,637	10.2
1896	2,810	13.9
1897	2,732	13.3
1898	3,413	17.9
1899	5,078	25.5
1900	8,694	22.6
1901	3,965	14.0
1902	2,736	13.5
1903	506	2.3
1904	2,783	9.1
1905	5,542	14.0
1906	3,674	7.1
1907	5,499	8.9
1908	5,456	10.0
1909	4,119	8.3
1910	2,523	3.0

Sumber: Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, 1994, hlm 58. Dipetik dari Annual Reports on Indian Immigration.

Jadual di atas menunjukkan jumlah tenaga buruh India yang dibawa masuk melalui sistem terikat ini adalah di antara 1500-9000 buruh setiap tahun kecuali pada tahun 1903 cuma 506 buruh India sahaja yang dibawa masuk.

Orang-orang yang diberi lesen sahaja dibenarkan mengeksport tenaga buruh India mulai tahun 1872. Ini seolah-olah golongan majikan mengimport tenaga buruh ini bagaikan barang keperluan mereka bagi memenuhi cita-cita mereka. Tidak ada sebarang data yang jitu terhadap jumlah buruh India yang dapat dibawa masuk melalui sistem ini. Mengikut Sandhu pula,

Dianggarkan bahawa dari tahun 1844 sehingga 1910 terdapat sebanyak 181,000 orang India berhijrah. Ini merupakan enam peratus daripada jumlah keseluruhan penghijrahan sehingga tahun 1957.¹¹

Penghijrahan sebanyak itu adalah untuk mengubah taraf dan nasib majikan British dan bukannya taraf dan nasib buruh walaupun pada asasnya diberi gambaran sedemikian. Buruh-buruh India ini tidak banyak membantah arahan majikan British. Lagipun, pihak British sudah biasa menguruskan masyarakat India Selatan di India. Buruh-buruh India juga digunakan untuk membina jalan raya dan jalan kereta api yang sangat-sangat diperlukan oleh pihak British dalam usaha menghantar hasil-hasil ke pelabuhan. Orang-orang India merupakan masyarakat utama dalam pembinaan dan perkembangan sistem pengangkutan dan Telekomunikasi. Buruh-buruh ini tidak diberi tempat tinggal yang selesa. Buruh-

¹¹ Sandhu, K.S., op. cit., hlm. 96.

buruh India yang dibawa masuk melalui sistem terikat ini ditempatkan di kawasan perladangan. Selain itu, rumah-rumah yang disediakan oleh majikan adalah tidak sesuai kerana bilangan ahli keluarga yang besar. Ini adalah untuk menjimatkan kos perbelanjaan pihak majikan. Kekurangan kemudahan asas terutamanya kemudahan air menyebabkan mereka tidak dapat membersihkan diri dengan secukupnya. Ini mengakibatkan kesihatan mereka sering kali terganggu.

Di bawah sistem ini, lebih banyak lelaki dibawa masuk berbanding dengan kaum wanita. Untuk setiap 1000 orang lelaki, 18 orang wanita sahaja dibawa masuk. Ini adalah kerana lebih banyak tenaga buruh lelaki yang diperlukan. Apabila angka kematian meningkat, barulah kerajaan India mengenakan tekanan terhadap pihak British. Sistem perjanjian ini dihapuskan pada tahun 1910 akibat mendapat tekanan dan kecaman dari kerajaan British dan Kerajaan India kerana penghijrahan yang tidak ekonomik ini. Jumlah kematian akibat penyakit dan semasa meredah hutan tidak dicatat untuk mengelakkan tindakan diambil terhadap mereka. Sistem terikat ini mempunyai banyak kelemahan dari segi perlaksanaannya. Sistem ini mengikat buruh-buruh India di kawasan perladangan. Syarat-syarat yang dikenakan terhadap buruh-buruh India ini menyebabkan tidak berlakunya mobiliti sosial. Dalam pada itu, sistem kangani pula telah mula mengambil alih pengimportan tenaga buruh ke Malaysia mulai 1860an. Buruh-buruh melalui sistem kangani ini di tempatkan di ladang-ladang tebu dan getah.

2.3.2 Sistem Kangani

Sistem ini merupakan cara kedua yang digunakan oleh pihak British untuk membawa masuk buruh-buruh India ke Malaysia. Sistem Kangani ini telah pun mula beroperasi mulai tahun 1860 ketika sistem terikat masih berjalan. Tetapi, sistem Kangani ini menjadi semakin penting menjelang tahun 1900. Ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Pertamanya, disebabkan oleh kelemahan sistem terikat yang mendapat tentangan dan kecaman daripada pihak British di India dan dari Kerajaan India. Keduanya, apabila industri kopi dan getah mula berkembang dengan pesat. Sistem ini berkekalan sehingga tahun 1938. Buruh-buruh yang dibawa masuk selepas tahun 1900 kebanyakannya adalah untuk bekerja di ladang-ladang getah.

Sistem kangani ini menjadi semakin penting membekalkan tenaga buruh selepas sistem perjanjian dihapuskan pada tahun 1910. Sistem baru ini berkekalan sehingga penghijrahan buruh India ke Malaya ditamatkan pada tahun 1938.¹²

Mengikut Kondapi dan Netto, terdapat beberapa syarat dalam sistem ini.¹³ Syarat-syarat sistem Kangani mengikut Indian Emigration Rules 1923 ialah:-

- (i) Buruh-buruh India dibawa masuk tanpa sebarang bayaran tetapi diwujudkan Akaun Berhutang.

¹² Kondapi, C., *op.cit.*, hlm 42.

¹³ Kondapi, *op.cit.*, hlm 44.
Netto, George, *Indians in Malaysia : Historical Facts and Figures*, The Author, Singapore, 1961, hlm 23.

- (ii) Hutang ini akan dibayar beransur-ansur sehingga tamat tempoh perkhidmatan buruh di estet.
- (iii) Kangani mesti dari India Selatan dan mesti dari golongan petani, dan telah bekerja sebagai buruh tidak kurang dari tiga bulan dengan majikan yang meminta dia mendapatkan tenaga buruh dari kampungnya ataupun kampung-kampung berdekatan di India. (Mengikut Undang-Undang Migrasi 1923).
- (iv) Kangani membuat perjanjian dengan majikan untuk membawa sekurang-kurangnya 20 buruh dari India dan dia akan mendapat komisyen untuknya.
- (v) Buruh-buruh India ini boleh memberi satu bulan notis selepas membayar hutang mereka dan boleh bertukar majikan.

Kangani-kangani ini dibayar wang secukupnya untuk membawa saudara mara dan orang kampungnya ke Malaysia sebagai buruh untuk bekerja di ladang-ladang getah, tebu dan kopi. Pada asasnya, seorang ketua akan membawa pekerja-pekerja kampungnya ke Malaysia untuk bekerja di ladang-ladang British. Biasanya pekerja-pekerja akan menurut segala arahan dan peraturan kangani ini. Kebanyakan buruh-buruh yang dibawa masuk melalui sistem ini adalah dari India

Selatan. Ini adalah kerana kangani-kangani yang dilantik oleh pihak British adalah dari India Selatan juga. Maka, penghijrahan buruh-buruh India dari India Selatan berterusan melalui sistem ini juga. Penghijrahan kali ini berlaku secara berkeluarga. Ini adalah agar buruh-buruh ini akan kekal di ladang-ladang dan memajukan ekonomi pihak majikan. Taktik ini mereka pelajari dari sistem perjanjian yang tidak banyak dapat mengawal buruh-buruh India balik ke negara India selepas tamat tempoh perjanjian.

JADUAL 2.3

PENGHIJRAHAN BURUH-BURUH INDIA MELALUI SISTEM KANGANI, 1899 – 1907

Tahun	Bilangan	% Jumlah Imigran India
1899	2,446	12.3
1900	7,828	20.3
1901	4,147	14.7
1902	1,711	8.5
1903	2,125	9.6
1904	3,774	12.3
1905	8,429	21.3
1906	22,647	43.5
1907	26,948	43.4

Sumber: Selvakumaran Ramachandran, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, 1994, hlm 62. Dipetik daripada Annual Reports of Indian Immigration.

Jadual di atas menunjukkan jumlah buruh India yang hijrah masuk ke Malaysia melalui sistem kangani. Penghijrahan buruh-buruh melalui sistem kangani menjadi semakin penting di penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ini adalah disebabkan tentangan dan kritikan yang dikenakan terhadap sistem terikat. Buruh-buruh yang dibawa masuk ke Malaysia melalui sistem ini pada awal abad ke-20 adalah untuk bekerja di ladang-ladang getah. Sistem kangani yang dianggap lebih baik berbanding dengan sistem terikat telah menjadi tumpuan para majikan Eropah di Malaysia. Kangani juga mempunyai tugas-tugas tertentu.

Tugas-tugas Kangani ialah:-

- (i) Kangani merupakan seorang ketua bagi satu kumpulan buruh yang terdiri daripada 25 hingga 30 orang buruh. Sekiranya berlaku kekurangan buruh, maka Kangani terpaksa menjadi buruh untuk bekerja di estet.
- (ii) Kangani juga merupakan orang perantaraan di antara buruh dengan pengurus ladang dan bertanggungjawab menentukan gaji untuk buruh.
- (iii) Kangani akan mendapat gaji bulanan di samping tambahan 2 sen untuk setiap buruh yang datang bekerja setiap hari.

- (iv) Kangani hanya akan dibayar bonus RM5 hingga RM10 untuk setiap buruh yang dibawa masuk dan buruh ini mesti bekerja sekurang-kurangnya 6 bulan hingga satu tahun.
- (v) Kangani-kangani diberi lesen untuk mengeksport tenaga buruh dari India bagi mengelakkan penganiayaan.

Pada kebiasaannya, Kangani-kangani ini menakutkan buruh-buruh India dengan mengatakan bahawa buruh-buruh ini akan kehilangan kerja sekiranya mengadu tentang ketidakselesaan kehidupan mereka. Kangani-kangani ini yang senantiasa menghalang para buruh berjumpa dengan pihak majikan. Pihak majikan pada kebiasaannya akan mendapatkan maklumat mengenai para buruh ini melalui agen mereka iaitu Kangani. Kangani biasanya menjadi ketua baru kepada golongan buruh ini. Segala masalah dirujuk kepada Kangani. Kangani cuba mengelakkan masalah ini dibawa ke pengetahuan pihak majikan. Kangani-kangani sanggup memperdaya kaum mereka sendiri untuk dijadikan hamba kepada majikan asing. Ada pegawai British yang menganggap orang-orang India sebagai ‘*Burung-burung yang ditugaskan untuk tinggal dan usahakan ladang-ladang getah sahaja*’.¹⁴ Pihak British hanya mempunyai satu pegangan terhadap buruh-buruh India. Mereka menganggap buruh-buruh India ditakdirkan untuk memajukan majikan-majikan British.

¹⁴ Sandhu, K.S., *op.cit.*, hlm 273.

Pada asasnya sistem Kangani ini lebih baik berbanding dengan sistem terikat. Namun demikian, sistem ini juga turut mengikat buruh-buruh India ini kekal di ladang-ladang getah. Buruh-buruh ini juga tidak mahu menukar kerja dan tempat tinggal mereka kerana saudara-mara mereka juga turut berada di ladang-ladang tersebut.

Sistem Kangani ini juga turut menganiaya buruh-buruh India dengan memaksa buruh-buruh ini bekerja lebih masa, tidak disediakan tempat tinggal yang cukup selesa. Srinivasa Sastri yang ditugaskan membuat laporan mengenai keadaan masyarakat India di Malaysia telah mengesyorkan agar penghijrahan buruh-buruh India melalui sistem Kangani ini diharamkan.

Selain itu faktor ekonomi juga turut memainkan peranan penting dalam pengharaman sistem ini. Kemerosotan ekonomi pada tahun 1929-1932 membantu mengurangkan pengimportan tenaga buruh mengikut sistem Kangani ini. Ini telah membawa kepada terhapusnya sistem Kangani menjelang tahun 1938. Seramai 71,658 pekerja India dihantar pulang sebelum tahun 1930 akibat kejatuhan harga getah di pasaran dunia. Sehingga tahun 1927, 37% buruh India dibawa masuk melalui sistem Kangani ini. Sementara itu, buruh-buruh India terus dibawa masuk dengan memberi bantuan kewangan kepada mereka.

2.3.3 Sistem Penghijrahan Dengan Bantuan

Sistem penghijrahan dengan bantuan menjadi semakin penting apabila sistem terikat diharamkan pada tahun 1910. Sarjana-sarjana seperti Kondapi, Sandhu, Netto berpendapat bahawa sistem penghijrahan ini mula beroperasi dengan sepenuhnya mulai awal abad ke-20. Kebanyakan majikan ladang memilih tenaga buruh India melalui sistem ini kecuali majikan ladang tebu kerana murah berbanding dengan sistem terikat dan sistem Kangani. Ini adalah kerana kemasukan buruh melalui sistem terikat dan sistem Kangani mahal, tenaga buruhnya kurang berkesan. Jadi, penghijrahan buruh India melalui sistem bantuan sangat digemari oleh kebanyakan majikan.

Moreover, most of these non-sugar employers preferred 'free' labour to indentured, considering the latter comparatively less efficient and more expensive.¹⁵

Jadi, untuk memenuhi permintaan buruh yang kian meningkat, pihak British mewujudkan satu sistem penghijrahan buruh melalui sistem bantuan ini. Sistem ini berjalan seiring dengan sistem Kangani.

¹⁵ _____, him 87.

JADUAL 2.4
PENGHIJARAHAN BURUH INDIA KE MALAYA
SELAMA 20 TAHUN TERAKHIR ABAD KE-19

Tahun	Sistem Terikat	Sistem Bantuan	Dan Lain-Lain	Jumlah Yang Tiba	Jumlah Yang Pulang Ke India	Jumlah Yang Kekal Di Koloni
1881	879	159	5769	6807	5269	1538
1882	1452	209	8276	9937	5947	3990
1883	1450	176	8979	10605	9041	1564
1884	1539	177	14365	16081	10749	5332
1885	1642	49	19819	21510	13417	8093
1886	2748	244	17316	20308	18105	2203
1887	4736	310	12156	17202	12596	4606
1888	4684	317	15183	20184	13190	7624
1889	2747	174	15285	18206	14099	4107
1890	2960	172	15341	18473	15276	3197
1891	3443	293	26447	30183	23912	6271
1892	1628	423	16370	18421	17722	699
1893	2106	237	15877	18220	14044 ½ #	4175 ½ #
1894	1688	113	13155	14956	13537	1419
1895	1549	88	14368	16005	12360	3645
1896	2652	158	17340	20150	12977	7173
1897	2599	133	17867	20599	14280	6319
1898	2989	424	15613	19026	11500	7526
1899	4677	401	14842	19920	10766	8954
1900	7615	696*	21189	36940	10995	25945

* 313 dewasa dan 766 kanak-kanak

½ = kanak-kanak

Sumber: Netto, George, *op.cit.*, hlm 31. Dipetik daripada Straits Settlements Annual Report, 1900, hlm 198.

Jadual menunjukkan jumlah tenaga buruh India yang dibawa masuk melalui sistem bantuan ini mulai tahun 1881 sehingga tahun 1900. Kebanyakan buruh India yang dibawa masuk melalui sistem bantuan sebelum tahun 1900 menghadapi banyak masalah. Tetapi, selepas tahun 1900, keadaan buruh-buruh ini adalah lebih baik kerana ramai yang bekerja di jabatan-jabatan kerajaan terutamanya dalam jabatan pengangkutan dan jabatan keretapi. Purata tenaga buruh yang masuk antara tahun 1881 sehingga 1900 adalah 100 hingga 700 buruh setiap tahun.

Mengikut Sandhu, terdapat tiga cara buruh-buruh ini dibawa masuk.

Antaranya:

- (i) Buruh-buruh yang dibawa masuk oleh kerajaan India bagi memenuhi peluang pekerjaan kosong di jabatan-jabatan kerajaan dan mengagihkan tenaga buruh India ini kepada majikan-majikan swasta.
- (ii) Buruh-buruh dibawa masuk oleh Persatuan Pertanian Tanah Melayu. Buruh-buruh ini bekerja di ladang-ladang tebu. Persatuan ini juga mempunyai agen-agen mereka di India bagi memenuhi permintaan tenaga buruh India di Malaysia.
- (iii) Buruh-buruh India yang dibawa masuk oleh majikan-majikan ladang itu sendiri.

Penghijrahan buruh-buruh India ini melalui sistem ini dilakukan secara sistematis. Ini adalah kerana agen-agen khas diwujudkan di India bagi memenuhi permintaan tenaga buruh di Malaysia.

Buruh-buruh yang dibawa masuk melalui sistem ini lebih bebas dan bernasib baik berbanding dengan sistem terikat ataupun sistem Kangani. Terdapat beberapa syarat dalam sistem penghijrahan ini.

Syarat-syarat sistem ini ialah:-

- (i) Buruh mesti menandatangani satu surat perjanjian dengan majikan.
- (ii) Buruh-buruh ini mesti berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun dengan majikan mereka.
- (iii) Buruh boleh bertukar majikan setelah berkhidmat satu tahun dengan majikan lama dan telah membayar hutang penghijrahan mereka.

Sistem ini agak longgar kerana memberi kebebasan kepada buruh untuk menentukan tempat dan majikan mereka. Walau bagaimanapun, majikan-majikan ladang akan cuba mengekalkan buruh-buruh ini di ladang mereka.

Antara cara yang digunakan ialah majikan ladang hanya akan memulakan debit hutang perbelanjaan penghijrahan buruh selepas buruh berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun. Ada di antara majikan ladang memulakan debit hutang buruh apabila buruh ingin menukar majikan ataupun ingin berpindah ke tempat lain. Keadaan sebegini tidak berlaku di jabatan-jabatan kerajaan. Kehidupan buruh-buruh yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan lebih baik berbanding dengan buruh-buruh di ladang.

Gaji bagi buruh-buruh yang datang secara bantuan ini ditentukan mengikut gaji di pasaran ketika menandatangani surat perjanjian. Tiada potongan dibuat pada gaji buruh pada ketika ini. Melalui sistem ini buruh-buruh dari India utara juga turut dibawa masuk untuk bekerja di Malaysia. Dalam kerja baru ini, buruh-buruh India Selatan terpaksa bekerja bersama buruh-buruh dari India Utara (dari Punjab, Raj Putra, Bombay, Hyderabad, Ganges Valley).

Penghijrahan kaum buruh India utara adalah dalam lingkungan beberapa ratus buruh sahaja pada awal tahun 1900. Manakala, buruh dari India Selatan yang banyak hijrah secara bantuan. Kebanyakan buruh-buruh India utara

dihantar pulang selepas tamat perjanjian kerana sukar dikawal dan diurus. Mengikut Sandhu,

The Sikh and Rajput plate-layers were satisfactory but they were brought in to do a special job – construction of the railway line between Negeri Sembilan and Johore – under an engineer known to them. They were shipped back to India on completion of the task.¹⁶

Buruh-buruh dari India utara dibawa masuk bagi menjalankan tugas-tugas tertentu. Mereka ditetapkan bekerja di bawah seorang jurutera yang mengenali mereka untuk mengelakkan sebarang masalah yang akan timbul nanti. Misalannya, buruh-buruh Sikh dan Rajput dibawa masuk bagi pembinaan jalan keretapi di antara Negeri Sembilan dan Johor. Selepas tugasan mereka tamat, buruh-buruh ini dihantar pulang seperti yang dijanjikan.

Kemasukan buruh-buruh melalui sistem bantuan ini telah merintis jalan kepada kebebasan memilih kerja, majikan dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun, kebanyakan buruh tidak berbuat demikian disebabkan kehidupan yang tidak terjamin.

¹⁶ _____, hlm 88.

2.3.4 Kedatangan Secara Persendirian

Kategori kedatangan masyarakat India yang keempat ialah kedatangan secara persendirian. Masyarakat India yang datang secara persendirian ini bebas bergerak ke mana-mana sahaja tanpa sebarang halangan. Walaupun kedatangan masyarakat India secara persendirian telah berlaku sejak awal lagi, tetapi kemasukan masyarakat India secara besar-besaran melalui cara ini berlaku menjelang tahun 1930an.

Imigran India yang datang ini ialah golongan profesional, golongan pertengahan, peniaga, dan golongan-golongan lain yang datang mencari peluang pekerjaan di bandar-bandar. Dalam kategori kedatangan ini, ada yang datang dengan tujuan berdagang. Mereka terdiri daripada peniaga kecil-kecilan, peminjam wang dan pedagang. Mengikut Rajkumar,


Walaupun imigran yang datang pada abad ke 19 ini adalah buruh paksa, namun terdapat segelintir pedagang, cheti-cheti, pekedai-pekedai, kontraktor, tukang-tukang yang mahir, doktor dan peguam turut bersama mereka.¹⁷

Golongan yang datang secara perseorangan tidak mendapat sebarang bantuan daripada sesiapa. Ini adalah kerana tujuan penghijrahan mereka ini adalah untuk mencari peluang mengumpul kekayaan di Malaysia. Lagipun, mereka ini

¹⁷ Rajkumar, N.V., *Indians Outside India*. A general survey with solutions of the Indian National Congress on the subject from 1885 to the present day, All India Congress Committee, New Delhi, 1951, hlm 13-14.

sudah mempunyai skil, sumber kewangan, kebolehan ataupun kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Ini menyebabkan golongan ini tidak mengharapkan bantuan daripada pihak British untuk memulakan pekerjaan baru mereka di Malaysia. Kebanyakan mereka berhjirah secara berkeluarga agar tumpuan dapat diberikan terhadap kerjaya yang diceburinya.

**JADUAL 2.5
JUMLAH PENGHIJRAHAN KE MALAYA
1786 – 1957**



Sumber: Sandhu, K.S., *Indians In Malaya*, hlm. 159.

Jadual di atas menunjukkan jumlah penghijrahan kaum India ke Malaysia dari tahun 1941 sehingga 1957. Kedatangan masyarakat India Selatan meliputi 92.3% dan 91.3% termasuk penghijrahan bebas. Daripada jumlah ini 72.5% dan 65.3% orang India selatan berhijrah sebagai buruh ataupun untuk bekerja di ladang-ladang majikan British. Ini menunjukkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat India tidak banyak mengalami perubahan.

Di Burma, penghijrahan dan keadaan orang-orang India adalah agak berbeza.

Di Burma, sebelum tanah dijadikan rezab kerajaan, orang-orang India selatan, terutamanya golongan chetti menguasai 700,000 ekar tanah ataupun 40 peratus dari jumlah tanah pertanian.¹⁸

Satu perkara yang jelas kelihatan di sini ialah penghijrahan orang-orang India ke Burma secara persendirian adalah atas sebab-sebab keperluan ekonomi diri sendiri. Begitu juga pada pertengahan abad ke19, golongan Chettiar telah mula datang dan memainkan peranan penting sebagai businessman dan peminjam wang di negeri-negeri Selat. Mereka ini lebih dikenali sebagai Nattukottai Chettiar. Mereka juga memberi pinjaman wang kepada sultan, golongan pembesar melayu dan petani melayu. Mereka mempunyai pengaruh terhadap kehidupan sosial orang-orang India kerana mereka ini mempunyai aktiviti tradisi yang panjang. Mereka juga telah menubuhkan Persatuan Perdagangan Nattukottai Chettiar (Nattukottai Chettiar

¹⁸ Arasaratnam, S., op. cit., hlm. 398.

Chamber of Commerce). Pada tahun 1931, jumlah kaum India yang terlibat dalam perdagangan ialah 5.6%, manakala pada tahun 1947 meningkat kepada 10.1%. Cuma, segolongan kecil chetti yang hijrah ke Malaysia untuk mencuba nasib mereka dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Golongan profesional pula hijrah secara bebas untuk bekerja dalam jabatan-jabatan kerajaan British di Malaysia. Pekerja-pekerja teknikal India yang berkhidmat di sini mendapat 3 hingga 4 kali ganda gaji yang diterima di India. Ini juga merupakan pendorong kepada penghijrahan golongan berpendidikan Inggeris. Mereka terdiri daripada kerani, guru, arkitek, peguam, doktor dan sebagainya.

Pada awal abad ke-20, golongan ini sudah mula hidup di bandar-bandar dan taraf hidup mereka jauh lebih baik berbanding dengan pekerja-pekerja ladang. Golongan berpendidikan, peniaga, dan pedagang memandang Malaysia sebagai tempat tinggal yang tetap. Mereka datang bersama keluarga. Ini lebih memudahkan mereka bergiat aktif untuk meningkatkan mobiliti sosial. Mengikut Rajkumar,

Kerajaan British mempunyai minat yang mendalam terhadap golongan India yang mempunyai pendidikan Inggeris. Mereka ini diberi jawatan kerani dan lain-lain jawatan sokongan dalam kerajaan British.¹⁹

Walaupun begitu, penghijrahan melalui sistem ini tidak banyak mengubah corak kehidupan masyarakat India di Malaysia. Ini adalah kerana

¹⁹ Rajkumar, N.V. *op. cit.*, hlm. 403.

masyarakat ini sememangnya mengasingkan diri dari masyarakat massa. Ini adalah kerana tempat kerja mereka dan kerja mereka adalah berbeza.

Jumlah penghijrahan melalui sistem ini adalah 27.5% pada tahun 1941 meningkat menjadi 34.7% pada tahun 1957. Ini adalah penghijrahan masyarakat India Selatan. Manakala, masyarakat India Utara yang hijrah melalui sistem ini cuma 7.7% dan 8.7% pada tahun 1941 dan 1957. Jadi, selepas tahun 1940, kebanyakan penghijrahan yang berlaku adalah penghijrahan secara bebas. Ini adalah kerana sistem terikat dan sistem kangani telah diharamkan.

Walaupun hampir 50% masyarakat India yang berhijrah ke Malaysia selepas tahun 1941 dan 1957 adalah sebagai buruh tetapi berlakunya peningkatan dalam penghijrahan secara bebas.

2.4 Kesimpulan

Secara kesimpulan boleh dikatakan bahawa masyarakat India yang dibawa masuk ke Malaysia mulai penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 mencerminkan kedudukan masyarakat India di Malaysia pada masa kini. Ini adalah kerana buruh-buruh India yang dibawa masuk terus menjadi kelas buruh walaupun berlaku sedikit mobiliti sosial.

Buruh-buruh India yang dibawa masuk mulai awal ke-20 ditempatkan di ladang-ladang getah. Masyarakat India ini dianggap sebagai masyarakat tertutup kerana hubungan luar adalah tidak dibenarkan. Buruh-buruh ini juga terpaksa meneruskan kerja mereka di ladang tersebut kerana sukar mendapat pekerjaan di ladang lain. Ini adalah kerana buruh-buruh India ini tidak mempunyai sebarang kepakaran. Lagipun, majikan-majikan ladang getah mempunyai hubungan yang baik sesama mereka. Jadi, mereka tidak mahu menerima buruh India dari ladang lain yang ingin bekerja di ladang mereka. Ini adalah untuk menghalang penghijrahan keluar buruh dari sesuatu ladang. Jika tidak, majikan ladang akan menghadapi masalah kekurangan buruh yang boleh membawa masalah kepada mereka.

Walaupun pelbagai sistem digunakan untuk membawa masuk buruh-buruh India ke Malaysia, namun demikian tiada satu sistem pun yang menyebelahi buruh-buruh India. Walau bagaimanapun, sistem bantuan yang digunakan memberi sedikit kelonggaran kepada buruh-buruh India ini untuk memilih jenis pekerjaan dan tempat tinggal mereka selepas tamat tempoh yang dijanjikan.

Namun begitu, penghijrahan secara persendirian merupakan langkah pertama golongan berpendapatan dan profesional untuk hijrah ke Malaysia. Penghijrahan ini dianggap terbaik kerana tiada syarat yang terlibat. Oleh itu, masyarakat India boleh menetap di mana-mana sahaja untuk mencari pekerjaan yang sesuai untuk mereka.

Walaupun jumlah buruh India yang hijrah masuk ke Malaysia lebih kurang 4 juta orang tetapi jumlah masyarakat India pada masa sekarang (1997) cuma 1.6 juta orang sahaja. Seramai 2 juta orang telah pulang semula ke India, manakala selebihnya meninggal dunia disebabkan penyakit dan sebab-sebab lain. Jumlah penduduk India yang kecil ini telah menyebabkan masyarakat India ketinggalan dalam semua bidang. Dari sudut politik, masyarakat India kini terpaksa bergantung kepada pihak lain kerana tiada bargain power dan kuasa pengundi.